

Laman Mikro BERNAMA: Penerbangan | Maritim | Automotif | Perbankan & Kewangan | Pendidikan



UTAMA

AM

POLITIK

EKONOMI

SUKAN

RENCANA

DUNIA

| Laman Utama | Tentang BERNAMA | Peta Laman | Hubungi Kami | Senarai Berita | Arkib Berita

BERNAMA.COM

utama » berita

21 Ogos, 2009 16:14 PM

Giant Bakal Buka Pasar Raya Pertama Di Kelantan Bulan Depan

KUALA LUMPUR, 21 Ogos (Bernama) -- Giant bakal membuka pasar raya besar baru di Kota Baharu pada pertengahan September, yang pertama oleh pemilik pasaraya besar itu di Kelantan dan keempat di pantai timur.

"Kami berharap untuk membuka lebih banyak cawangan di Kelantan. Ini akan berdasarkan kepada sokongan yang akan kami terima dari pasar raya besar baru ini," kata Ho Mun Hao, pengarah pemasaran GCH Retail, kepada BERNAMA selepas pelancaran sistem pengagihan bantuan tanpa tunai di sini.

Sistem baru itu membolehkan golongan miskin membeli barangan keperluan mereka di pasar raya Giant di Bandar Kinrara dan Jinjang dengan menggunakan MyKad mereka.

Di bawah program berkenaan, suri rumah keluarga penerima, dikredit dengan elaun bulanan dan diberikan nombor pengenalan peribadi untuk memberi barangan keperluan makanan.

"Sistem tanpa tunai ini adalah dengan kerjasama antara Yayasan MyKasih, Multimedia Development Corporation (MDec) dan Jabatan Pendaftaran Negara," katanya.

Hadir sama pada pelancaran itu ialah Datuk Badlisham Ghazali, Ketua Pegawai Eksekutif MDec dan Tan Sri Megat Najmuddin Megat Khas, Pengarah Yayasan MyKasih.

GCH Retail merupakan rangkaian perniagaan runcit di Malaysia dengan 95 pasar raya besar dan pasar raya Giant, 19 pasar raya Cold Storage dan 320 kedai kesihatan dan kecantikan Guardian di seluruh negara.

-- BERNAMA

***Kami menyediakan langganan
berita melalui perkhidmatan [Newswire](#).***



[Kembali](#) [Ke Atas](#)



Laman Utama | Am | Politik | Ekonomi | Sukan | Rencana | Dunia | Senarai Berita | Arkib Berita | Suapan